

# Syor kaji semula caruman KWSP untuk doktor perubatan lantikan tetap

Zanariah Abd Mutalib - Disember 28, 2022 @ 4:25pm  
zanariah\_mutalib@bh.com.my



- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran melihat semula cadangan menawarkan perjawatan tetap kepada pegawai perubatan melalui caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bukan hanya skim pencen yang dilaksanakan bagi semua perjawatan itu ketika ini.

Selain itu, keutamaan perlu diberikan untuk mengisi kuota institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan bagi pengambilan pelajar perubatan, terutama oleh penganjur biasiswa, berbanding menghantar mereka ke luar negara.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Muhammad Shamsir Mohd Aris, berkata ia antara langkah boleh dilaksanakan bagi menyediakan laluan kerjaya kepada pegawai perubatan tempatan, terutama lantikan kontrak.

Cadangan itu juga, katanya, boleh memastikan jumlah graduan perubatan yang dilahirkan seimbang dengan tempat yang ditawarkan bagi profesion itu.

"Status jawatan tetap perlu bagi semua pegawai kerajaan untuk jaminan kerjaya dan lain-lain kemudahan yang datang dengan status berkenaan. Kerajaan sudah berusaha memberi lebih banyak jawatan tetap, namun masih belum dapat menampung semua graduan perubatan yang dilahirkan.

"Justeru, cadangan untuk memberikan status jawatan tetap dengan KWSP seperti yang dicadangkan Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini, mungkin boleh dikaji semula," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyarankan kerajaan menjadikan pembangunan bakat dan modal insan sebagai dasar penting dalam menangani isu penghijrahan pakar perubatan ke luar negara.

Presidennya, Dr Muruga Raj Rajathurai dilaporkan berkata, masalah 'brain drain' dalam sektor perubatan bukan hanya soal gaji, tetapi golongan itu rasa dianaktirikan di negara sendiri dan tiada ketelusan dalam soal perjawatan tetap bagi pegawai kontrak.

Dr Muhammad Shamsir berkata, ketika ini, graduan perubatan lebih ramai berbanding tempat ditawarkan bagi profesion itu, namun jika diperhalusi, sejumlah hospital dan klinik belum mempunyai jumlah pegawai bertugas mencukupi sehingga ada pesakit terpaksa menunggu giliran yang lama.

"Buat masa ini, kita ada dua saluran graduan perubatan, iaitu dari universiti di Malaysia dan luar negara. Bilangan graduan tempatan boleh dikawal, namun yang pulang dari luar negara, agak sukar dijangka bilangannya.

"Justeru, satu cadangan untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini adalah memberikan keutamaan untuk memenuhi kuota universiti tempatan oleh pihak penganjur biasiswa," katanya.

Selain itu, katanya, satu jawatankuasa khas diwakili semua dekan fakulti perubatan dan pengarah hospital universiti wajar diwujudkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha membantu kerajaan menambah bilangan pakar perubatan dalam negara.

"Jumlah doktor pakar lebih kritikal diperlukan buat masa ini. Pihak universiti tempatan yang menganjurkan program sarjana kepakaran akan membantu dengan menambah tempat untuk pegawai perubatan melanjutkan pengajian mereka," katanya.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata perancangan teratur perlu dilakukan kerajaan bagi menjamin laluan kerjaya pegawai perubatan tempatan.

"Di Malaysia sebenarnya, kita bukan berdepan masalah tidak cukup doktor, tetapi tempat untuk profesion itu tidak cukup, sedangkan graduan perubatan yang dilahirkan lebih ramai. Dilihat dari sudut positif, jika kita ada lebih graduan dan doktor, apa salahnya mereka berkhidmat di luar negara.

"Mereka akan menimba banyak pengalaman di negara orang sehingga ada akan menjadi pakar, yang mana lambat laun, akan pulang dan berkhidmat dengan segala kepakaran yang ada di tanah air sendiri," katanya.

Beliau turut menafikan pegawai perubatan tempatan dianaktirikan kerana kerajaan sentiasa berusaha menambah tempat perjawatan tetap bagi golongan itu.